

# Notis Privasi

## Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”)

Selaras dengan APDP, AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd komited untuk melindungi menjaga Data Peribadi anda apabila anda memulakan transaksi komersial dengan kami, contohnya ketika anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami.

Berikut ialah definisi bagi terma yang digunakan dalam Notis Privasi ini:

- **Kumpulan AmBank** merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat bersekutunya termasuk tetapi tidak terhad kepada AmBank (M) Berhad, AmBank Islamic Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmFunds Management Berhad, AmFutures Sdn Bhd, AmIslamic Funds Management Sdn Bhd, AmCards Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad, AmMetLife Insurance Berhad dan AmMetLife Takaful Berhad.
- **Data Peribadi** merujuk kepada sebarang maklumat berkaitan dengan transaksi komersial yang sedang diproses dan direkodkan yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada anda, yang dikenalpasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat tersebut. Ini termasuk sebarang Data Peribadi Sensitif dan ekspresi pendapat tentang anda, tetapi tidak termasuk sebarang maklumat yang diproses untuk tujuan perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Contoh Data Peribadi termasuk nama anda, kad pengenalan atau nombor pasport, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, butiran akaun atau maklumat kewangan.
- **Data Peribadi Sensitif** merujuk kepada mana-mana Data Peribadi yang mengandungi maklumat anda berkaitan keadaan kesihatan mental dan fizikal, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa.

Melainkan yang ditakrifkan dengan nyata di dalam ini dan di mana konteks memerlukan, semua ungkapan yang berhuruf besar hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang ditentukan untuknya dalam APDP berkenaan.

## Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

Dalam menyediakan perkhidmatan kepada anda, AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd mungkin dikehendaki memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan seperti berikut:

# Notis Privasi

- (a) Penilaian kelayakan atau kesesuaian anda untuk produk kami yang dipohon dan pengesahan identiti anda;
- (b) Pemberitahuan dan/atau kemas kini mengenai ciri-ciri baharu atau pembangunan produk dan perkhidmatan kami yang mungkin menarik minat anda;
- (c) Pertandingan, promosi, kempen, tawaran dan sebagainya daripada Kumpulan Ambank atau rakan-rakan kongsi perniagaan pihak ketiga yang telah disertai oleh anda;
- (d) Pengurusan dan penyelenggaraan akaun termasuk pengemaskinian berkala, konsolidasi dan menambah baik ketepatan rekod;
- (e) Penyelidikan bagi tujuan analisis berdasarkan transaksi/penggunaan produk dan perkhidmatan untuk memahami dengan lebih baik tentang keperluan pelaburan semasa dan masa hadapan;
- (f) Prestasi perkhidmatan bersama dalam Kumpulan AmBank;
- (g) Sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau oleh badan penguatkuasa yang berkaitan.

## Sumber Data Peribadi

- (a) Maklumat yang diberikan dalam borang permohonan apabila menggunakan produk atau perkhidmatan AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd, ketika melakukan transaksi akaun, ketika menggunakan perkhidmatan dalam talian atau elektronik, ketika mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan, promosi dan semasa semakan prestasi kewangan;
- (b) Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik dengan AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd atau ejen-ejenjnya yang sah;
- (c) Pihak ketiga yang berhubung kait dengan anda seperti majikan, pemegang akaun bersama, rakan kongsi lain dalam sebuah perkongsian, atau melalui pelanggan korporat atau penyedia keselamatan korporat Kumpulan Ambank yang mana anda adalah pengarah, pemegang saham, pegawai atau penandatanganan/orang yang dibenarkan;
- (d) Imej yang diambil oleh kamera litar tertutup (CCTV) di premis pejabat AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd ketika anda melawat premis pejabat kami;
- (e) Agensi pelaporan kredit dan sumber yang tersedia secara umum seperti carian melalui pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang berkaitan; dan/atau
- (f) Mana-mana sumber lain di mana anda telah memberikan kebenaran untuk tujuan yang dimaksudkan tersebut.

Apabila anda memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga kepada AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd (seperti maklumat waris terdekat atau penama), anda mengesahkan bahawa kebenaran tersebut telah diperoleh atau anda berhak untuk memberikan Data Peribadi pihak tersebut.

# Notis Privasi

## Pendedahan Data Peribadi

AmFunds Management Berhad dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd mungkin akan dikehendaki untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga yang berikut:

- (a) ejen, penyedia perkhidmatan, vendor, institusi kewangan dan/atau penasihat profesional yang membantu kami dalam memproses, mentadbir, penyumberluaran, memenuhi transaksi atau menyediakan perkhidmatan kepada anda bagi pihak anda atau untuk memenuhi perkhidmatan tambah nilai yang telah diminta oleh anda;
- (b) penasihat profesional dan perunding luar yang menyediakan perkhidmatan kepada kami bagi tujuan keperluan perniagaan kami, operasi, perundangan dan peraturan;
- (c) mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk kami memberi arahan bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker dan pengantara;
- (d) institusi kewangan lain untuk tujuan memenuhi urusan niaga yang diperlukan oleh anda;
- (e) dengan entiti lain dalam Kumpulan Ambank untuk produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda; dan/atau
- (f) mana-mana pihak berkuasa dan/atau penguatkuasa kompeten, bagi pelaksanaan fungsi mereka.

Maklumat Peribadi anda mungkin akan di dedahkan ke Luar Malaysia:

- (a) ke negara-negara atau bidangkuasa yang secara khusus dibenarkan di bawah APDP;
- (b) apabila anda memberi persetujuan untuk memindahkan Maklumat Peribadi anda ke luar Malaysia;
- (c) bagi memenuhi transaksi yang dipohon oleh anda, seperti kiriman wang ke luar Malaysia;
- (d) apabila pemindahan adalah perlu bagi memenuhi kontrak di antara kami dan pihak ketiga di luar Malaysia, yang mana kontrak tersebut dibuat atas permohonan anda;
- (e) apabila vendor atau pembekal perkhidmatan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan kepada kami (termasuk perkhidmatan penyimpanan data), yang terletak di luar Malaysia, di mana kami akan mengambil tanggungjawab berjaga-jaga bagi memastikan vendor atau pembekal perkhidmatan tersebut mempunyai kemudahan teknikal dan langkah-langkah keselamatan organisasi untuk melindungi Maklumat Peribadi;
- (f) bagi tujuan prosiding undang-undang di luar Malaysia dan untuk kami memperoleh nasihat undangundang atau untuk mempertahankan hak kami di sisi undang-undang; atau
- (g) apabila anda tertakluk kepada undang-undang asing, Maklumat Peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada pihak berkuasa atau kawal selia di dalam bidangkuasa asing berkenaan.

## Hak-hak Subjek Data

Data Peribadi wajib dan sukarela mungkin berbeza untuk pelbagai produk dan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan. Anda boleh memaklumkan AmFunds Management Berhad dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd secara bertulis untuk menarik balik kebenaran atau untuk menamatkan/memulakan pemrosesan Data Peribadi, dengan memberikan AmFunds Management Berhad dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan permintaan berkenaan.

# Notis Privasi

Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk menarik balik kebenaran dalam tempoh perjanjian kontrak sedia ada dengan AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd yang mungkin menyebabkannya tidak berupaya untuk meneruskan perhubungan tersebut, AmFunds Management dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd berhak untuk meneruskan memproses Data Peribadi anda selaras dengan obligasi kontrak sehingga semua obligasi dipenuhi.

Anda boleh membuat perubahan kepada Data Peribadi anda dengan menghubungi khidmat pelanggan kami, tertakluk kepada yuran pemrosesan yang berkaitan di mana terpakai dan kami akan memaklumkan kepada anda sebab jika permintaan sedemikian tidak dapat dipenuhi.

## Butiran hubungan:

- (a) melalui telefon: 03-20322888
- (b) melalui faks: 03-20315210
- (c) melalui e-mel: [enquiries@aminvest.com](mailto:enquiries@aminvest.com)
- (d) melalui surat:  
AmInvest  
Tingkat 9 dan 10, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

## Keselamatan Data Peribadi

Kami amat menekankan kepentingan dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Data Peribadi anda. Oleh itu, kami sentiasa mengkaji semula dan melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini semasa memproses Data Peribadi anda. Maklumat lanjut mengenai kawalan keselamatan boleh didapati di Penyata Keselamatan Laman Web kami di [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com).

## Pengekalan Data Peribadi

Data Peribadi anda akan dikekalkan selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian dengan Kumpulan AmBank untuk tempoh perhubungan atau untuk tempoh yang diperlukan bagi melindungi kepentingan Kumpulan AmBank dan anda. Pengekalan sedemikian juga penting seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau selaras dengan polisi dalaman kami yang berkaitan.

## Semakan kepada Notis Peribadi

Notis Peribadi ini mungkin akan disemak semula dari semasa ke semasa dan notis mengenai semakan tersebut akan dipaparkan di laman web dan/atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh AmFunds Management Berhad dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd.

*Dikemaskini pada 20 Oktober 2021*